

Kitar minyak masak terpakai

BH 9/12/13 MAS 4.

» MBSA kumpul dan ubah jadi biodiesel

Oleh Nur Saliawati Salberi
bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Penduduk di bandar raya ini kini boleh berbakti kepada alam sekitar dengan membantu mengitar semula minyak masak terpakai.

Menerusi kerjasama di antara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Syarikat Kris Biofuels Sdn Bhd, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mengambil langkah proaktif dengan menjalankan program mengumpulkan minyak masak terpakai untuk dikitar semula menjadi biodiesel.

Kerjasama itu bertujuan mendidik dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pentingnya pengurusan pembuangan minyak masak terpakai dengan cara yang betul selain penggunaan berkali-kali minyak berkenaan boleh memberikan kesan kepada kesihatan badan.

Babitkan pengusaha makanan, restoran

Program yang dimulakan sejak awal tahun ini, membolehkan orang awam terutama pengusaha makanan, restoran dan penia-



Mohd Jaafar (dua dari kiri) mencurahkan minyak masak ke dalam tong sebagai gimik pelancaran Kitar Semula Minyak Masak Terpakai Peringkat MBSA 2013 di Hotel Grand Bluewave.

[FOTO IHSAN MBSA]

ga menghantar minyak masak terpakai ke pusat kitar semula MBSA di Seksyen 6, 17 dan 2.

Datuk Bandar Shah Alam Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan, berkata menerusi program itu masyarakat dan pengendali makanan dapat menguruskan pembuangan minyak masak terpakai dengan cara betul dan dapat mengetahui kesannya kepada kesihatan.

Katanya, jika MBSA tidak mengadakan program seperti ini, masyarakat akan terus mengambil sikap mudah dengan membuang sisa minyak masak

“*Jika MBSA tidak mengadakan program seperti ini, masyarakat akan terus mengambil sikap mudah dengan membuang sisa minyak masak ke dalam longkang*”

Mohd Jaafar Mohd Atan,
Datuk Bandar Shah Alam

ke dalam longkang, saluran air dan ke tempat yang tidak sepatutnya sehingga menyebabkan gangguan terhadap sistem loji rawatan air, pencemaran sumber air dan gangguan di tapak pelupusan.

“Apa yang penting ialah kesan penggunaan minyak masak terpakai kerana ia boleh menghasilkan komponen radikal bebas bersifat karsinogenik, yang boleh menyebabkan kanser selain risiko menghadapi kardiovaskular, angin ahmar, Parkinson serta Alzheimer serta mengurangkan kualiti makanan,” katanya.